

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK (TANJONG)**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 14**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang sedang atau akan diambil untuk membantu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dalam menangani masalah kewangannya berikutan peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan yang semakin merosot sehingga emolumen kakitangan-kakitangannya selepas Oktober 2016 tidak dapat dibiayai.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan dari permohonan peruntukan tambahan yang telah dibuat oleh SUHAKAM kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM), peruntukan tersebut akan disalurkan untuk membiayai pembayaran emolumen dan perbelanjaan SUHAKAM.

Sekian, terima kasih.